

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 15 Ogos 2017 10:40
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Naib Johan Festival Teater Negeri Kedah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



15 OGOS 2017 / 22 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pusat Budaya dan Seni

UUM NAIB JOHAN FESTIVAL TEATER NEGERI KEDAH



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Kelab Teater Warna, Pusat Budaya dan Seni (PBS) telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan Festival Teater Peringkat Negeri Kedah di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kedah (JKKN), baru-baru ini.

Membawa naskah bertajuk 'Monokrom' hasil adaptasi karya Lena Farida Hussain Chin, UUM telah berjaya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM800.00 dan Sijil.

Selain itu, UUM juga telah berjaya merangkul Anugerah Pelakon Wanita Terbaik dan Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik.

Monokrom mengisahkan tentang tiga jiwa yang berada di satu ruang dimensi yang mereka sendiri tidak tahu di mana Munirah, Amran dan Richard yang masing-masing datang dari latar belakang berbeza.

Tiga jiwa ini mempersoal tentang takdir yang ditentukan kepada mereka. Pertembungan emosi antara tiga jiwa ini membawa mereka mengembara kembali ke pengalaman dari dunia nyata masing-masing.

Monokrom dibarisi tujuh pemain pentas iaitu Ain Balqis sebagai watak Ibu, Afzan Nasir sebagai watak Munirah, Wan Aqil sebagai watak Amran, Haziq Jalil sebagai watak Richard, Farhain Ozlan sebagai watak Mona, Marissa Aziz sebagai watak Damia dan Rafiq Samingan sebagai watak Setan.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain, kejayaan ini adalah hasil daripada komitmen tinggi yang diberikan oleh semua pihak termasuk staf PBS serta ahli Kelab Teater Warna.

"Latihan intensif tanpa mengira masa dan tenaga telah memberi idea dan kesempurnaan kepada pelakon-pelakon dalam menjayakan pementasan teater ini.

"Antara objektif penyertaan Warna dalam festival ini, adalah untuk melahirkan barisan pelakon berbakat serta kumpulan produksi yang komited bagi meneruskan legasi pementasan teater pada masa akan datang," katanya.

"Sejajar dengan itu, saya memuji usaha dilakukan Kelab Teater Warna dalam mengangkat seni teater," katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah Produksi, Syafiq Ziazan berkata usaha menyemarak dan memperkembang seni teater dalam kalangan mahasiswa penting bagi melahirkan golongan belia yang kreatif, inovatif dan berilmu.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PBS kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan peluang kepada Warna menyertai festival berprestij ini.

"Warna juga akan mengadakan latihan berkala untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa dengan prinsip-prinsip penting dalam seni teater iaitu pengenalan dan permainan teater, improvisasi, gerak, emosi, suara, lakonan, skrip, pentas, teknikal, produksi dan pementasan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, Abdul Wahab Hamzah.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.